

Amy Khor cadang tiga cara syarikat pacu pembangunan mampan

Anugerah Impak Kelestarian iktiraf usaha individu dan perniagaan beri kesan positif kepada alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat



MAJLIS PELANCARAN: (Dari kiri) Cik Chen Huifen, Editor *The Business Times*; Dr Amy Khor, Menteri Negara Kanan (Kemampanan dan Sekitaran); Encik Eric Lim, Ketua Kemampanan UOB; dan Profesor Lawrence Loh, Direktor CGS di Sekolah Perniagaan NUS semasa majlis pelancaran Anugerah Impak Kelestarian. – Foto THE BUSINESS TIMES

► **DAHLIA ZULKIFLI**
dahlia@sph.com.sg

PERNIAGAAN yang mendakwa bahawa mereka menjadi 'lebih hijau' atau menjadi lebih mampan semakin mendapat perhatian yang lebih tinggi daripada pihak berkepentingan di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pencucian hijau.

Pencucian hijau ialah satu istilah yang digunakan perniagaan untuk mendakwa produk mereka mesra alam, namun realitinya ia kurang daripada yang didakwa, dari segi kemampanan.

Oleh itu, terdapat keperluan dari segi kewangan bagi perniagaan untuk menunjukkan kesan daripada inisiatif yang mereka

lakukan, yang boleh memudahkan mereka membuka kunci pembiayaan hijau mereka untuk operasi mereka, kata Menteri Negara Kanan (Kemampanan dan Sekitaran), Dr Amy Khor, semalam.

Bercakap pada pelancaran Anugerah Impak Kelestarian oleh UOB dan *The Business Times (BT)* dengan kerjasama Pusat Tadbir Urus dan Kelestarian (CGS) dari Universiti Nasional Singapura (NUS), Sekolah Perniagaan, Dr Khor turut mencadangkan tiga cara syarikat memacu pembangunan mampan.

Perniagaan boleh bermula dengan menetapkan matlamat berasaskan masa untuk membimbing perjalanan kemampanan mereka.

Mereka juga mesti da-

pat menunjukkan kesan inisiatif kemampanan mereka dengan mengukurnya. Ini boleh dilakukan dengan mengguna pelaporan kemampanan yang biasa digunakan, supaya data yang diukur dapat difahami dengan lebih luas dan diterima oleh pihak berkepentingan.

Perniagaan juga harus berusaha untuk meletakkan usaha kemampanan mereka melalui penilaian ketat oleh pensijilan dan anugerah yang berkaitan.

Anugerah seperti Anugerah Impak Kelestarian ini menetapkan keperluan ketat sebagai mengiktiraf kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pencucian hijau dan permintaan untuk pemohon menunjukkan kesan produk mereka terhadap

alam sekitar.

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf usaha kemampanan individu dan perniagaan yang telah memberi kesan positif kepada alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat melalui inisiatif yang dijalankan mereka.

"Apa yang paling kritikal adalah kesan sebenar kepada kehidupan orang ramai dan persekitaran hidup mereka. Melalui anugerah ini, kami berharap dapat mengenal pasti suri teladan yang telah membuat perubahan yang baik dalam memajukan impak yang positif terhadap alam sekitar dan sosial dalam tadbir urus yang baik," kata Profesor Lawrence Loh, Pengarah CGS di NUS.

Pencalonan anugerah itu dibuka semalam hingga 31 Mac 2023.